

Keharmonian kaum pencapaian penting

BH 19 OCT 2002

**Daripada Khaidir
Abdul Majid**

NEW DELHI, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menganggap pencapaian paling penting beliau sepanjang 21 tahun sebagai Perdana Menteri adalah peningkatan keharmonian kaum di Malaysia.

Beliau berkata, dalam negara pelbagai kaum seperti Malaysia, perhubungan kaum memang menjadi satu masalah.

"Namun peraturan asas mengenai perhubungan ini sudah dilandaskan oleh Perdana Menteri pertama negara.

"Apabila saya mengam-

bil alih sebagai Perdana Menteri, saya dianggap sebagai seorang Melayu Ultra (pelampau) dan besar kemungkinan boleh menindas kaum Cina dan India.

"Tetapi selepas memegang jawatan selama 21 tahun, keadaannya (perpaduan kaum) sudah bertambah baik. Saya yakin penganti saya akan meneruskan usaha ini," katanya pada sidang akhbar di akhir lawatannya ke India hari ini.

Ketika di India, Perdana Menteri melawat pusat teknologi maklumat di Hyderabad, Rabu lalu dan menyampaikan ucapan di Sidang Kemuncak Per-

sini semalam.

Beliau juga mengunjungi Presiden India APJ Abdul Kalam, di Rashtrapati Bhavan, di sini semalam dan kemudian mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee di Hyderabad House.

Kedua-dua pemimpin kemudiannya menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman di antara kerajaan Malaysia dan India mengenai projek pembangunan jalan di Jharkhand.

Dr Mahathir berlepas ke Islamabad, Pakistan hari ini sebelum meneruskan lawatannya ke Arab Saudi esok.